


Kurikulum Persekolahan 2027





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

PENATARAN KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

Bahasa Melayu Tahun 1



**REFORMASI
PENDIDIKAN**


**GENERASI
MADANI**



#kurikulumkita



Menelusuri Dokumen Kurikulum Bahasa Melayu Tahun 1



Meningkatkan kefahaman guru terhadap kurikulum Bahasa Melayu KP 2027 supaya mereka jelas tentang kandungan, standard dan perubahan yang diperkenalkan.




Menyeragamkan pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu di semua sekolah agar pengajaran dan pembelajaran berlaku secara konsisten dan berkualiti



Berkongsi ilmu dan pengalaman bersama-sama rakan guru yang lain.

Objektif Perkongsian



Kurikulum: Nadi dan Asas Sistem Pendidikan


Definisi Kurikulum Kebangsaan



“ ... suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan ”

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (KURIKULUM KEBANGSAAN) 1997
DI BAWAH AKTA PENDIDIKAN 1996 (AKTA 550)

**Hasrat utama adalah untuk melahirkan insan terdidik berpaksaan
Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan**



Kedudukan Bahasa Melayu dalam perubahan yang berlaku?



Tuntutan Global

- Perkembangan Global dan Pentaksiran Antarabangsa.
- Matlamat Pendidikan Pembangunan Mampan, Elemen Kompetensi, Tanggungjawab terhadap Ekonomi, Sosial dan Persekitaran.




Dasar Negara

- Rancangan Pendidikan Malaysia 2026-2035.
- Teori Perkembangan dan Aspirasi Murid.
- Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perpaduan Negara dan Dasar Pendidikan Digital.




Pembangunan Manusiawi


- Generasi yang memiliki *growth mindset*.
- Pembentukan karakter.



Menelusuri Evolusi Kurikulum




Perkembangan berterusan untuk kekal relevan, fleksibel dan kontekstual.



Perbezaan Kurikulum Tahun 1 KSSR (Semakan 2017) vs KP 2027

	KSSR (Semakan)	KP2027
Pendekatan Kurikulum	Berasaskan standard	Berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi
Struktur Kandungan	• Mendengar dan Bertutur • Membaca • Menulis • Aspek Seni Bahasa • Aspek Tatabahasa	• Mendengar • Bertutur • Membaca • Menulis • Aspek Seni Bahasa • Aspek Tatabahasa → secara penyerapan
Dimensi Pentaksiran	• 6 Tahap Penguasaan (TP1 - TP 6) (Taksonomi Bloom) • formatif dan sumatif	• 4 Tahap Penguasaan (TP1 - TP 4) (Kerangka Miller) • sumatif dan formatif



Perbezaan Kurikulum Tahun 1 KSSR (Semakan 2017) vs KP 2027

KSSR 2017
(Semakan)

14 Standard Kandungan (SK) / 29 Standard Pembelajaran (SP)

- Mendengar & Bertutur
- Membaca
- Menulis
- Seni Bahasa
- Tatabahasa



DK 2027


9 Standard Kandungan (SK) / 26 Standard Pembelajaran (SP)

- Mendengar
- Bertutur
- Membaca
- Menulis



Nota:

Aspek Seni Bahasa bermula dari Tahap I, manakala Aspek Tatabahasa bermula dari Tahap II diajarkan secara penyerapan ilmu menerusi penggabungjalinan dengan empat kemahiran bahasa.



Peruntukan Waktu & Autonomi Pelaksanaan

SK

10 Waktu
(Seminggu)


SJK

10 Waktu
(Seminggu)




GURU DIBERI AUTONOMI DAN KELUWESAN


Guru bebas merancang jadual dan strategi PdP secara mendalam dan lebih berkesan berdasarkan tahap penerimaan murid.




Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) merupakan **salah satu dokumen rujukan** dalam pembinaan kurikulum Bahasa Melayu. KSBM menetapkan **standard kecekapan berbahasa** yang perlu dikuasai dan menjadi asas kepada pengggubalan **Standard Kandungan (SK)** dan **Standard Pembelajaran (SP)**.



Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)





Reka Bentuk Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah

- Berteraskan Empat Kemahiran Bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis)
- Aspek Seni Bahasa (KOMSAS)
- Aspek Tatabahasa
- Sistem Bahasa

KANDUNGAN

- Standard Kandungan
- Standard Pembelajaran
- Kompetensi

Modular: kemahiran kepada unit-unit kecil.

STANDARD PRESTASI

(Pentaksiran Bilik Darjah)

- Formatif
- Sumatif

TAHAP PENGUASAAN

- Petunjuk Umum (Berasaskan Kriteria)
- Petunjuk mengikut kemahiran




PRINSIP DAN STRATEGI PdP


- Berfokus
- Bertema
- Konteks
- 5P (penggabungjalinan, penyerapan, penilaian, pemulihan, pengayaan)
- Kepelbagaian strategi, pendekatan, kaedah dan teknik
- Kepelbagaian sumber bahan

STRATEGI PdP

- Berpusatkan murid
- Inkuiri
- Penyelesaian masalah
- Berasaskan projek
- Pembelajaran koperatif
- Didik hibur
- Kontekstual/Kecerdasan Pelbagai/Kajian Masa Depan /Belajar Cara Belajar
- Konstruktivisme/Pembelajaran Akses Kendiri /Pembelajaran Luar Bilik Darjah/Masteri



Fokus Bahasa Melayu Sekolah Rendah




Menekankan pembentukan karakter murid yang berketerampilan dalam berbahasa secara lisan dan bertulis.




Apakah yang dimaksudkan dengan literasi?

Literasi ialah **keupayaan murid** untuk **memperoleh, memahami, menaakul** dan **menggunakan maklumat** yang bersesuaian dalam **pelbagai medium** dan **konteks** merentasi **pelbagai bidang** dan **disiplin ilmu**.




Dokumen Kurikulum Persekolahan 2027

Satu rujukan komprehensif
untuk pengajaran dan
pentaksiran



Mengapakah disepadukan? Memudahkan guru merancang PdP dan melaksanakan pentaksiran formatif secara serentak tanpa merujuk dokumen berasingan.




Persediaan Murid menghadapi Masa Hadapan

Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027) direka untuk menyediakan murid menghadapi cabaran masa hadapan yang kompleks. Kecemerlangan akademik semata-mata tidak lagi mencukupi tanpa sokongan kemahiran dan keterampilan dunia sebenar.



Elemen Nilai Tambah berfungsi sebagai pemberat strategik untuk menyokong pembentukan insan sejahtera yang seimbang.




Elemen Nilai Tambah



Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR)

Objektif Utama: Membentuk murid yang beradab, berhemah, berhati-hati dan berwaspada di jalan raya.

Strategi Pelaksanaan: Integrasi berterusan bermula dari tahap prasekolah sehinggalah ke sekolah menengah.




Elemen Nilai Tambah



Pendidikan Kewangan

Objektif Utama: Meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan murid.

Hasil Pembelajaran: Melahirkan generasi yang mampu melakukan pengurusan kewangan secara bijak dan bertanggungjawab.



Elemen Nilai Tambah

Pendidikan untuk Pembangunan Mampan


MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



Objektif Utama: Membina kesedaran global yang mendalam.

Tiga Dimensi Kelestarian: Menyeimbangkan kelestarian alam sekitar, kesaksamaan sosial, dan ekonomi mampan.

Strategi Pelaksanaan: Dilaksanakan secara praktikal melalui projek dan aktiviti komuniti.



7 Tunjang Kompetensi Utama



Perkembangan
Diri



Komunikasi



Tanggungjawab



Fasih
Digital




Literasi
Pelbagai



Kemahiran
Berpikir



Pembelajaran
Sepanjang
Hayat



Perkembangan Diri

Membina keyakinan dan kesedaran identiti asas kanak-kanak dalam persekitaran baharu.

Contoh:



Memperkenalkan diri secara lisan (Contoh: Nama saya Ali).



Menyatakan emosi dan perasaan dengan jelas (Contoh: Saya gembira).



Komunikasi

Keupayaan untuk menerima maklumat, memprosesnya, dan memberikan respons lisan yang tepat.

Contoh:



Menyebut perkataan dengan sebutan yang betul.



Menjawab soalan mudah dengan tepat selepas mendengar sebuah cerita.



Tanggungjawab

Memupuk akauntabiliti terhadap tugas akademik dan pemilikan peribadi.


Contoh:




Menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru.



Menjaga keselamatan dan kebersihan buku serta alat tulis sendiri.



Fasih Digital



Menonton video pembelajaran.

Menaip huruf/perkataan mudah.

Contoh:

- ✓ Boleh berinteraksi dengan media (Menonton video pembelajaran).
- ✓ Menguasai motor halus digital (Menaip huruf atau perkataan mudah).



Literasi Pelbagai

Mampu mentafsir dan menghubungkan pelbagai bentuk media, dari teks ke visual.

Contoh:

- ✓ Memadankan perkataan bertulis dengan gambar yang tepat.
- ✓ Memahami urutan dan konteks melalui cerita bergambar.


Kemahiran Berfikir



Maklumat Berselerak



Proses Analisis
(Memilih jawapan betul)



Output Berstruktur
(Menyusun ayat mudah)

Contoh:

- ✓ Membuat keputusan kognitif (Memilih jawapan betul).
- ✓ Mencipta struktur logik (Menyusun ayat mudah dari perkataan berselerak).



Pembelajaran Sepanjang Hayat

Peralihan daripada pembelajaran yang disuap kepada inisiatif sendiri dan sifat ingin tahu.

Contoh:

- ✓ Mengambil inisiatif (Membaca buku mudah secara sendiri).
- ✓ Menunjukkan keberanian intelektual (Bertanya jika tidak faham).



Kurikulum Bahasa Melayu

#kurikulumkita

AKTA PENDIDIKAN 1996 (AKTA 550)

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan **bahasa rasmi negara** yang dilindungi oleh **Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan** serta **Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)**.

MATA PELAJARAN TERAS


Dalam sistem pendidikan kebangsaan, mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan **mata pelajaran teras yang wajib diajarkan di sekolah rendah dan di sekolah menengah** di Malaysia.

PERANAN BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam **memupuk identiti nasional, perpaduan kaum dan penyebaran ilmu**.

ASPEK PENGHAYATAN

Bahasa Melayu menekankan **aspek penghayatan nilai murni, warisan budaya dan kesusasteraan Melayu** selain kemahiran bahasa.



Teras KP 2027 Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Mentransformasikan bilik darjah menjadi ruang manusiawi

Kemahiran Bahasa

Empat kemahiran bahasa
(Dengar, Tutar, Baca dan Tulis)

Tatabahasa


Dilaksanakan secara penyerapan ilmu secara semula jadi dan bukan berbentuk latih tubi.

Seni Bahasa

Aspek kebahasaan dan keindahan bahasa (berlangsung secara santai, didik hibur dan menyeronokkan)

Mengutamakan pembelajaran asas literasi yang menyeronokkan, bermakna dan berkesan





Matlamat

Kurikulum Persekolahan 2027 Bahasa Melayu Sekolah Rendah
bagi kegunaan murid sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan dan
Sekolah Jenis Kebangsaan bertujuan untuk murid dapat :



**menguasai asas
kemahiran bahasa**



**berkomunikasi
secara sopan**



**berfikir secara kritis
dan kreatif**



berilmu pengetahuan




**fasih digital dan literasi pelbagai
dalam kehidupan harian**



Empat Kemahiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah





Objektif Umum Bahasa Melayu Sekolah Rendah

01

Mendengar, mengecam dan memahami sesuatu maklumat dengan teliti untuk memberikan respons dengan betul.

02

Bertutur dan berkomunikasi dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai untuk memberikan respons, menyatakan dan menyampaikan maklumat dengan menggunakan pelbagai kosa kata dan laras bahasa yang sesuai dengan betul dan bertatasusila.

03

Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, memahami dan mengenal pasti maklumat yang dibaca dalam sesuatu bahan.

04

Menulis dengan tulisan yang kemas bagi menyampaikan sesuatu idea dan maklumat dalam penulisan dengan menggunakan kosa kata dan laras bahasa yang betul.

05

Menggunakan tatabahasa yang betul dan gramatis dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan.

06

Menghayati nilai murni dan mengamalkan sikap positif, semangat patriotik dan kenegaraan melalui aktiviti berbahasa bagi meningkatkan kompetensi untuk melahirkan insan sejahtera.



Objektif Khusus Bahasa Melayu Sekolah Rendah Tahun 1



Mendengar

- Mengecam sebutan perkataan, frasa dan ayat dengan intonasi yang sesuai.
- Memberikan respons terhadap ujaran secara sopan.



Bertutur

- Mengajuk dan menyebut perkataan, frasa dan ayat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
- Menyebut dan menggunakan ujaran secara sopan.
- Bertutur secara spontan, bercerita dan berlakon dengan sopannya.



Membaca

- Membaca simbol, abjad, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
- Memahami dan memberikan respons.



Menulis

- Membentuk corak, menyalin abjad dan suku kata dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas.
- Menulis perkataan, frasa dan ayat dengan tulisan yang kemas.



Tema Bahasa Melayu Tahun 1

Tema dipilih sebagai medium untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disampaikan melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

KEKELUARGAAN



KEMASYARAKATAN



KESIHATAN DAN KEBERSIHAN



KESELAMATAN



PERPADUAN



KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA



Fokus Tema: Perihal Diri dan Keluarga



Kesihatan & Kebersihan

- **Cakupan:** Jasmani, emosi, rohani, inteilek, dan sosial.
- **Fokus Awal:** Pemakanan, nutrisi, penjagaan kebersihan diri, dan amalan gaya hidup sihat.



Keselamatan

- **Cakupan:** Keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya.
- **Fokus Awal:** Utamakan keselamatan di rumah, sekolah, dan jalan raya (mengaplikasikan ilmu keselamatan harian).



Kekeluargaan

- **Cakupan:** Keluarga asas, kembangan, dan silang budaya.
- **Fokus Awal:** Memupuk rasa hormat, mengukuhkan perpaduan kaum, dan menangani cabaran kehidupan masa kini.

Fokus Tema: Perihal Diri dan Keluarga



Kemasyarakatan

- **Cakupan:** Tanggungjawab individu dalam masyarakat pelbagai bangsa.
- **Fokus Awal:** Menggalakkan interaksi positif, mewujudkan kerukunan hidup, dan menekankan konsep kejiranan.




Perpaduan

- **Cakupan:** Menghargai persamaan dan menerima perbezaan kaum.
- **Fokus Awal:** Menghormati agama, adat resam, memupuk saling percaya, dan membina perpaduan berbilang kaum.



Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

- **Cakupan:** Memahami perbezaan cara hidup dan silang budaya antara kaum.
- **Fokus Awal:** Meraikan perbezaan dan menerapkan kelestarian nilai warisan negara.



Organisasi Kandungan

Dokumen kurikulum ini memberikan fokus kepada penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai (adab) yang sesuai dengan tahap kebolehan dan keupayaan murid berdasarkan susunan organisasi kandungan.



Kandungan Pembelajaran

- ✓ Aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang murid patut ketahui dan boleh lakukan bagi mencapai subbidang/subtema/subkemahiran.



Standard Prestasi

- ✓ Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.



Kompetensi

- ✓ Keupayaan yang signifikan diintegrasikan secara holistik dengan pengetahuan, kemahiran dan adab melalui penguasaan subbidang/subkemahiran



Nota

- ✓ Perkara yang perlu diberi penjelasan atau penegasan tentang standard pembelajaran (Skop dan kedalaman kandungan berserta contoh aktiviti/pendekatan).



Standard Pembelajaran


- ✓ Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur.



Glosari

- ✓ Senarai istilah bersama takrifnya yang disusun mengikut abjad bagi sesuatu bidang pengetahuan.





Sesi Soal Jawab





Uji Minda



<https://forms.gle/65MmGyjefLjBBtRJ9>





TERIMA KASIH

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

<https://bpk.moe.gov.my>

#kurikulumkita